



27 NOV, 2022

## Graduan paling tua terima ijazah di WOU

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# Graduan paling tua terima ijazah di WOU

**Georgetown:** Tuntutlah ilmu yang tidak pernah habis. Itu pesan warga emas, Sundree Sadu Singh, yang berjaya menggenggam Ijazah Sarjana dalam Pendidikan di Wawasan Open University (WOU), Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini.

Tidak pernah jemu menyambung pengajian, ia menjadikan Sundree, 78, sebagai graduan paling tua menerima ijazah pada Sidang Pertama Majlis Konvokesyen WOU Ke-13, semalam.

Sundree berkata, menuntut ilmu kini menjadi satu 'ketagihan' kepadanya dan akan melanjutkan pelajaran pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada Disember depan di universiti berkenaan.

Katanya, sokongan daripada keluarga, pihak universiti dan insan di sekelilingnya menyebabkan ibu kepada empat anak itu terus menyambung pengajian.

"Sebelum meninggal dunia, mendiang ibu (Mary Naglingan) pernah berpesan supaya saya terus belajar dan pesanan itulah menjadi azimat bagi menyambung pengajian.

"Tiada rahsia, cuma saya menjaga kecerdasan dengan berjalan sehingga 4,000 langkah setiap hari kerana apabila ba-



Sundree bersama ijazah diterima pada Majlis Konvokesyen WOU Ke-13 di Georgetown, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

dan cergas, jadi mudah belajar," katanya ketika ditemui di universiti berkenaan, semalam.

Sundree yang juga pemilik pusat pembersihan dan pusat tuisyen kini masih aktif mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di pusat tuisyen berkenaan.

### Pernah alami kemalangan

Mengulas lanjut, Sundree berkata, dia menerima Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan di WOU pada 2010 dan pernah mengalami kemalangan sebelum menyambung pengajian, yang

menyebabkan cedera di sebahagian wajahnya.

Akibat kemalangan itu, mata kanannya menjadi kurang jelas selain, tidak mampu menggerakkan tangan kanan serta terpaksa dibantu anaknya.

"Namun, itu bukan pengakhiran. Bagi menyiapkan tugas, saya membaca setiap perkataan dan anak saya pula membantu menaip tugas itu.

"Mujurlah seorang daripada anak saya pakar dalam teknologi maklumat (IT) dan dialah yang membantu saya mengadap-



Seow Foon (kiri) dan Sue Yee bersama anugerah Hadiah Emas Memorial Tun Dr Lim Chong Eu yang diterima mereka.

tasi kerja menerusi rangkaian internet," katanya yang mempunyai lapan cucu dan bakal menimang cicit pertama tidak lama lagi.

Pada majlis berkenaan 1,145 graduan menerima ijazah masing-masing yang mana 295 daripadanya adalah daripada program pascasiswazah dan program sarjana muda (848).

Sidang pertama berkenaan diempunkan oleh Canselor, Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar yang mengurniakan ijazah pascasiswazah kepada 99 pe-

nuntut daripada enam program. Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Gabenor WOU, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Pro-Canselor, Datuk Dr Lim Thuang Seng dan Naib Canselor, Prof Dr Lily Chan.

Turut diraikan ialah dua penerima anugerah Hadiah Emas Memorial Tun Dr Lim Chong Eu, Datuk Che Seow Foon @Chow Seow Foon dan Irene Pung Sue Yee, yang mana kedua-duanya juga adalah penuntut terbaik daripada program pascasiswazah.



27 NOV, 2022

## Graduan paling tua terima ijazah di WOU

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Georgetown: Tuntutlah ilmu yang tidak pernah habis. Itu pesanan warga emas, Sundree Sadu Singh, yang berjaya menggenggam Ijazah Sarjana dalam Pendidikan di Wawasan Open University (WOU), Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini. Tidak pernah jemu menyambung pengajian, ia menjadikan Sundree, 78, sebagai graduan paling tua menerima ijazah pada Sidang Pertama Majlis Konvokesyen WOU Ke-13, semalam.